PENDAKWA RAYA

lwn.

DON ABDULLAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
VINCENT NG PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-205-91]
14 JULAI 1992

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan kecil - Rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan Majistret - Responden dilepas dan dibebas tanpa memanggil pembelaannya - Tuduhan di bawah s. 14 Undang-undang Kesalahan Kecil No. 3 Tahun 1955 - Perayu didakwa menggunakan perkataan tidak senonoh terhadap pegawai polis - Samada pengucapan perkataan tersebut boleh menjejaskan ketenteraman awam.*

Pendakwa Raya merayu terhadap keputusan Majistret di Georgetown di mana penentang dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaannya terhadap pertuduhan di bawah s. 14 Undang-undang Kesalahan Kecil No. 3 Tahun 1955. (Akta tersebut) di mana perayu didakwa menggunakan perkataan tidak senonoh kepada pegawai polis yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Di bawah s. 14 Akta tersebut pihak pendakwa harus membuktikan tiga unsur-unsur berikut sebelum memperolehi suatu kesabitan di bawah seksyen tersebut:

(i) bahawa tertuduh mengucapkan perkataan-perkataan yang diadui;

(ii) perkataan-perkataan tersebut bersifat kasar; dan

(iii) perkataan yang disebut itu dilafaz

(a) dengan niat membangkitkan keadaan tidak aman

(b) di mana suatu keadaan tidak aman mungkin akan berlaku

Diputuskan:

[1] Walaupun terdapat keterangan bahawa tertuduh memang melafazkan kata-kata yang diadui yang bersifat kasar, akan tetapi tiada bukti yang cukup bahawa tertuduh melafazkan perkataan-perkataan tersebut dengan niat untuk membangkitkan keadaan tidak aman.

[Rayuan Pendakwa Raya ditolak dan keputusan Majistret melepaskan dan membebaskan tertuduh disahkan.]

Kes yang dirujuk:
R v. Errol Howell [1981] 3 All ER 389 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Minor Offences Act No. 3 of 1955, s. 14

Bagi pihak pendakwa raya - Ishak bin Mohd. Yusoff, TPR
Bagi pihak penentang - A. Suppiah; T/n. Karpal Singh & Co.

PENGHAKIMAN

Vincent Ng PK:

Ini adalah rayun Pendakwa Raya terhadap keptusuan Majistret yang bijaksana di Mahkamah Majistret di Georgetown pada 18 Julai 1991 dalam kes Penangkapan No. 94(01) 175/89 di mana penentang dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaannya terhadap pertuduhan di bawah s. 14 Undang-undang Kesalahan Kecil No. 3 Tahun 1955 seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16 Januari 1986 lebih kurang jam 12.30 p.m. di Pengkalan Raja Tun Uda (PRTU) di dalam Daerah Georgetown, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah menggunakan perkataan tidak senonoh kepada Pegawai Polis iaitu 'Puki Mak Hang' Polis, di mana ketenteraman awam mungkin dicetuskan, dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan dan dihukum di bawah s. 14 Undang-undang Kesalahan Kecil No. 3 tahun 1955.

Majistret yang bijaksana mendapti fakta yang di mana penentang, yang pada masa itu bekerja sebagai penarik beca memang melafazkan perkataan-perkataan yang mengesat, sepertimana terkandung dalam pertuduhan di atas dan perkataan-perkataan sensitif lain yang bersifat perkauman (racially sensitive words) kepada PW1, iaitu Insp. Murugesan a/1 Jaganathan. Majistret yang bijaksana juga berpuashati bahawa perkataan-perkataan yang dilafazkan oleh penentang bersifat mengesat.

Bagaimanapun, Majistret memutuskan bahawa penentang melafazkan perkataan-perkataan tersebut tanpa niat mencetuskan pemecahan keamanan dan membebaskan penentang daripada pertuduhan tanpa memanggil pembelaannya. Nyatanya asas keputusannya bersandar kepada pengakuan PW1 kepada siapa perkataan-perkataan tersebut yang berbentuk kesat tersebut ditujui seperti berikut dalam pemeriksaan balas: "Orang kena tuduh (OKT) tidak memukul saya. OKT tidak cuba memukul saya. OKT juga tidak cuba untuk pukul anggota-anggota lain. Saya tidak takut kerana ramai anggota berada bersama saya ketika itu. Saya tidak takut kepada OKT. Selepas ingkar arahan, OKT digari ke balai Pelabuhan Pulau Pinang. Saya tidak masukkan OKT ke dalam bilik saya. Saya tidak memukul OKT. Saya cuma malu saja, tidak ada apa-apa perasaan lain. Saya tidak tahu samada OKT marah atau tidak. OKT tidak pukul saya. OKT tidak ada kemampuan kerana OKT berbadan kecil." PW1 juga mengakui dalam pemeriksaan balas "Semasa operasi itu dijalankan 3 anggota ada bersama saya. Saya memakai pakaian seragam. Pakaian itu tunjukkan pangkat saya. Semasa saya tangkap dia, OKT berada dekat pondok polis. Sepuluh kaki daripada pondok polis. Tidak ada orang dalam Pondok Polis semasa itu".

Selepas mendengar penghujahan Timbalan Pendakwa Raya, saya menolak rayuan tersebut tanpa memanggil peguam pembela menjawab balas. Rasional keputusuan Mahkamah ini adalah seperti berikut.

Di bawah s. 14 Undang-undang Kesalahan Kecil No. 3 tahun 1955 pendakwa raya dikehendaki membuktikan tiga (3) unsur-unsur berikut:

i) bahawa tertuduh ada melafazkan kata-kata yang diadui;

ii) perkataan-perkataan tersebut bersifat kasar; dan

iii) perkataan yang disebut itu dilafaz:

(a) dengan niat membangkitkan keadaan tidak aman (intend to provoke) **atau**

(b) di mana suatu keadaan tidak aman mungkin akan berlaku.

Pendapat Majistret yang bijaksana menyebelahi pendakwa dalam unsur-unsur (i) dan (ii) tetapi sebaliknya dalam unsur (iii) di atas, kerana perkataan kesat tersebut yang dilafaz secara spontan bila memandangkan bersama keterangan PW1 (sepertimana yang dipetik) ia tidak memberi bukti yang cukup bahawa penentang melafaz perkataan-perkataan tersebut dengan niat untuk membangkitkan keadaan tidak aman. Selepas membaca nota keterangan dengan teliti, khasnya keterangan PW1, saya dengan sepenuhnya bersetuju dengan Majistret yang bijaksana dalam perkara ini kecuali bila beliau hanya memakai ujian subjektif, pada hal unsur (iii) di atas memerlukan pembuktian di bawah s. 14 Akta tersebut, di mana perlu memenuhi salah satu daripada dua ujian di bawah:

(a) ujian subjektif, iaitu sama ada perkataan-perkataan yang dilafaz dengan niat yang membangkitkan keadaan tidak aman; atau

(b) ujian objektif iaitu sama ada perkataan-perkataan dilafaz dalam keadaan di mana suatu keadaan tidak aman mungkin akan berlaku.

Dalam aspek ujian objektif fakta-fakta kes berikut, sepertimana yang diputus oleh Majistret yang bijaksana, harus dipertimbangkan:

1) perkataan-perkataan kesat tersebut dilafaz kepada PW1 semasa ketiadaan orang awam kecuali tiga orang anggota polis.

2) penentang tidak memukul atau cuba mumukul PW1 dan ia tidak berkemampuan berbuat demikian kerana penentang berbadan kecil.

3) Semasa perkataan-perkataan kesat tersebut dilafazkan oleh penentang, PW1 berpakaian seragam polis yang menunjukkan pangkatnya. Dalam aspek ini sama ada perkataan kesat itu dilafaz, dalam keadaan ini, yang mungkin membawakan keadaan tidak aman harus diambil kira kerana tidaklah munasabah bagi Mahkamah ini menyangka bahawa terdapat kemungkinan pihak polis didorong bertindak secara fisikal atau verbal dengan kekerasan setimpal terhadap perayu, terutamanya bila ia melafazkan perkataan-perkataan tersebut dalam keadaan ketiadaan orang awam. Pasukan polis kita memang berpegang teguh kepada disiplin, dilengkap dengan berbagai remedi-remedi undang yang alternatif bagi menghadapi sebaranag kemungkinan seperti mana mereka telah bertindak dalam perkara ini. Dari perspektif lain, "bertepok memerlukan kedua-dua belah tangan".

Atas alasan-alasan di atas ujian objektif juga gagal.

Maksud "pemecahan keamanan" ini didefinasikan olih Watkins LJ di dalam kes *R v. Errol Howell* [1981] 3 All ER 389:

> Furthermore, we think the word 'disturbance' when used in isolation cannot constitute a breach of the peace. We are emboldened to say that there is a breach of the peace whenever harm is actually done or is likely to be done to a person or in his presence to his property or a person is in fear of being so harmed through an assault, an affray, a riot, an unlawful assembly or other disturbance.

Oleh yang demikian, rayuan Pendakwa Raya ditolak.

Also found at [1992] 4 CLJ 2237